

Malaysia mampu jadi 'Harimau Asia' baharu

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) diharap mengembalikkan kepercayaan kepada pasaran serta pelabur sekali gus menjadikan Malaysia sebagai 'Harimau Asia' yang baharu.

Perdana Menteri menjelaskan, WKB2030 membawa maksud pertumbuhan lebih saksama untuk negara, memberi nilai lebih tinggi kepada ekonomi negara dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berintegriti dengan pengagihan ekonomi yang dilakukan dengan baik.

"Kemakmuran bersama adalah usaha menjadikan Malaysia sebagai negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di setiap peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah serta rantaian bekalan sehingga mewujudkan rasa keharmonian

UM- 6/10/2019 mb: 3
dan kestabilan dalam kalangan rakyat menjelang 2030.

"Matlamat utama wawasan ini menyediakan taraf hidup yang wajar kepada rakyat Malaysia, selaras matlamat United Nations Agenda 2030 untuk mencapai Agenda Pembangunan Mampan di mana pendekatan pembangunan inklusif tidak akan meminggirkan sesiapa pun di bawah prinsip 'leaving no one behind'," katanya.

Tambah Dr. Mahathir, WKB2030 kelangsungan kepada wawasan terdahulu tetapi menilai keadaan semasa dan jangkaan 10 tahun selain mengambil kira pelbagai kerangka pemikiran, pandangan dan falsafah terangkum dalam konteks keunikan sosiobudaya.

"Wawasan ini turut menggariskan 13 lagi prinsip panduan yang antaranya merangkumi aspek sosial, ekonomi, integriti dan tadbir urus bagi menjadikan Malaysia sebagai paksi ekonomi Asia," katanya.